

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (KUALA LANGAT,SEPANG)

TARIKH: 01 MAC 2018

MUKA SURAT: 36

Sasar 62 lagi pasukan MyBomba

BANTING- Pejabat Bomba Negeri Selangor mensasarkan sekurang-kurangnya 62 pasukan My Bomba didaftarkan pada tahun ini.

Ketua Cawangan Program Kesedaran Keselamatan Awam Ibu Pejabat Bomba Negeri Selangor, Ahmad Syauqi Abdullah berkata, buat masa ini sebanyak 40 pasukan MyBomba Jawatankuasa Persatuan Penduduk (JPP) ditubuhkan di Selangor termasuk yang pertama di daerah Kuala Langat.

Menurutnya, daripada jumlah yang berdaftar tiada pasukan yang terlibat dalam bantuan kes kebakaran namun mereka diberi pendedahan membantu dari segi 'outreach' kempen kesedaran bersama penduduk setempat di kawasan JPap.

"Antara pendedahan yang dilakukan termasuklah penggunaan alat pemadam api dan juga pemasangan alat pengesan asap di rumah.

"Aktiviti itu sebenarnya membantu sukarelawan dalam memastikan mereka menyalurkan maklumat kepada semua penduduk di kawasan itu,"katanya kepada pemberita pada Pelancaran Sukarelawan MyBomba JPP Zon 10 di Balai Raya Jelawat, Taman Sri Putra.

Hadir sama, Pengerusi JPP Zon 10, Rozana Kamarulzaman dan Pengerusi Pembangunan Perseketuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli.

Rozana berkata, keselamatan melibatkan kebakaran bukan soal main-main.



Ahmad Syauqi (sembilan, kanan) bersama Sulaiman (lapan, kanan) dan Rozana dalam Pelancaran Sukarelawan My Bomba peringkat JPP Zon 10 di Taman Sri Putra.